

15

SURAT PEKELILING ICT NO. 3/2007

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Sarawak

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Badan Berkanun Negeri

**PERKARA: LANGKAH-LANGKAH MENGENAI PENGGUNAAN MEL
ELEKTRONIK (E-MEL) DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

RUJ. KAMI: JKM/ICT/ADM04/004(15)

TARIKH: Oktober 2007

Surat dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bertajuk "Langkah-Langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik di Agensi-Ageni Kerajaan" bertarikh 1 Jun 2007 adalah berkaitan. Salinan surat tersebut adalah dilampirkan bersama untuk dirujuk.

2. Sehubungan dengan ini, semua Ketua Agensi dan penjawat awam Negeri hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:

- a) memastikan e-mel digunakan **secara meluas** dalam urusan pentadbiran harian;
- b) memberi **maklumbalas ke atas e-mel dengan cepat** dan mengambil tindakan segera;
- c) menggunakan **e-mel rasmi yang didaftarkan** di bawah agensi Kerajaan;
- d) memastikan domain e-mel rasmi menggunakan "**naming convention**" yang melambangkan agensi Kerajaan dan diterimapakai di peringkat antarabangsa seperti "gov.my" dan "edu.my";
- e) menggunakan **alamat e-mel yang diperuntukan oleh Jabatan sahaja** bagi tujuan rasmi; dan
- f) memastikan **alamat e-mel persendirian** (seperti yahoo.com, gmail.com, streamyx.com.my dan sebagainya) **tidak boleh** digunakan untuk tujuan rasmi.

3. Pengguna e-mel bertanggungjawab untuk **mengemaskini peti e-mel (mailbox)** masing-masing supaya peti e-mel tidak penuh atau "exceed quota". Peti e-mel mesti dikemaskini setiap minggu supaya e-mel yang tidak diperlukan dibuang atau dipindahkan ke storan komputer masing-masing.

20071019003

4. Pengguna e-mel hendaklah menggunakan "client-mail" iaitu "**Nestcape Messenger**" atau "**Mozilla Thunderbird**". Penggunaan web-mel yang dipaparkan di SarawakNet direkabentuk untuk digunakan semasa bertugas di luar pejabat. Bagi penjawat awam yang menggunakan web-mel di pejabat, sila rujuk kepada "Konfigurasi Emel" di Sarawaknet→GovNet→Sumber Maklumat atau berhubung dengan **SAINS Call Centre** di talian **082-236633** untuk bantuan menukar kepada "*client-mail*".

5. Semua Ketua Agensi dan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dikehendaki memastikan semua penjawat di agensi masing-masing mematuhi semua arahan-arahan tersebut di atas. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"



(DATUK AMAR WILSON BAYA DANDOT)
Setiausaha Kerajaan
Sarawak